

PERBANDINGAN ARKETAIPAL LEGENDA PUTERI TUJUH DI NUSANTARA

AMINNUDEAN BIN BAHARUDEAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2023



**PERBANDINGAN ARKETAIPAL LEGENDA PUTERI TUJUH DI
NUSANTARA**

AMINNUDEAN BIN BAHARUDEAN



**PENULISAN ILMIAH YANG DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI
KEPERLUAN KURSUS KAJIAN ILMIAH APC3053**



JABATAN SENI PERSEMBAHAN

FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2015





FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada: 24 Januari 2023

i. Perakuan pelajar:

Saya, Aminnudean Bin Baharudean (D20201095726), Fakulti Muzik dan Seni Persembahan dengan ini mengaku bahawa Penulisan Kajian Ilmiah yang bertajuk Perbandingan Arketaipal Legenda Puteri Tujuh di Nusantara adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya. Saya dengan ini turut mengakui bahawa hasil penulisan ini terikat dengan Peraturan Akademik, Jabatan Seni Persembahan, Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Tandatangan pelajar

ii. Disemak oleh : _____

Tandatangan : _____

Nama Penyelia : _____

Tarikh : _____

iii. Disahkan oleh : _____

Tandatangan : _____

Nama Penyelaras : _____

Tarikh : _____

PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan selamat sejahtera.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan ribuan kesyukuran terhadap Ilahi kerana peluang, keberkatan dan ilham yang dikurniakan oleh-Nya. Alhamdulillah, saya telah melaksanakan kajian tesis saya dengan sebaik mungkin dan dengan berkat kurnia-Nya, saya mampu menghasilkan sebuah tesis. Yang kedua, saya ingin menyatakan ribuan terima kasih kepada penyelarar kursus Kajian Ilmiah dengan kod kursus APC3053 iaitu Dr. Fara Dayana binti Juffry atas bimbingan dan tunjuk ajar sepanjang proses penghasilan kajian ilmiah ini berlangsung. Sebarang ilmu dan didikan beliau tidak akan saya sia-siakan. Terakhir sekali, saya ingin melafaskan ucapan terima kasih kepada penyelarar kajian ilmiah saya iaitu, Dr. Lena Farida binti Hussain Chin atas bimbingan, bantuan, dan didikan yang beliau berikan sepanjang proses kajian ilmiah berlaku. Saya juga amat bersyukur kerana beliau memberikan saya kebebasan untuk memilih tajuk dan teori saya sendiri. Dengan ini saya dapat menulis kajian ilmiah saya berdasarkan minat saya dan memperoleh ilham yang lebih tinggi.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mendidik rakyat tempatan tentang warisan sastera lisan terutamanya pada zaman kini di mana generasi muda tidak berminat untuk mengetahui tentang repertoire-repertoire hikayat dan warisan sastera lisan negeri. Objektif kajian ini adalah untuk menyenaraikan sepuluh versi Legenda Puteri Tujuh di Nusantara serta melihat perbandingan kesemua cerita tersebut melalui pendekatan arketaipal Jung. Pendekatan arketaipal Jung menerangkan tentang tiga kategori asas bagi arketaip dalam literatur iaitu arketaip situasi, arketaip watak dan arketaip simbol. Arketaip situasi menerangkan tentang perulangan situasi, peristiwa atau kejadian, arketaip watak menerangkan tentang perulangan watak atau perwatakan dan arketaip simbol merenrangkan tentang perulangan imej atau permaknaan yang wujud dalam sastera. Dapatan kajian memperleh hasil di mana kesemua cerita mempunyai perbandingan yang dapat dilihat melalui tiga kategori arketaip ini. Implikasi daripada kajian ini adalah melalui pendekatan arketaipal, pengkaji dapat menjelajah ke alam batin tradisi dan berupaya menyelam ke dasar sumber makna cerita-cerita Legenda Puteri Tujuh ini. Kesimpulannya, kajian ini dapat menyenaraikan semua perbezaan dan persamaan arketaipal sastera yang terkandung dalam Legenda Puteri Tujuh. Secara tidak langsungnya, dapatan kajian adalah selari dengan objektif kajian, maka objektif kajian telah tercapai.

Kata kunci:- *Arketaipal, Puteri Tujuh, Tujuh Bidadari, Nusantara, Putri Tujuh, sastera lisan.*



THE ARCHETYPAL COMPARISON BETWEEN THE PUTERI TUJUH LEGENDS FROM THE MALAY ARCHIPELAGO

ABSTRACT

This study aims to educate the local people about the oral literary heritage, especially in today's age where the younger generation is not interested in knowing about the repertoire, tales and the local oral literary heritage. The objective of this study is to list ten versions of the Legend of Puteri Tujuh in the archipelago and to see the comparison of all those stories through Jung's archetypal approach. Jung's archetypal approach explains three basic categories of archetypes in literature, namely situation archetypes, character archetypes and symbol archetypes. Situational archetypes describe the repetition of situations, events or occurrences, character archetypes describe the repetition of characters or characters and symbol archetypes describe the repetition of images or meanings that exist in literature. The findings of the study yield results where all the stories have comparisons that can be seen through these three archetype categories. The implication of this study is that through the archetypal approach, the researcher can explore the inner world of tradition and try to dive into the source of the meaning of the stories of the Legend of the Seven Princesses. In conclusion, this study can list all the differences and similarities of satera archetypes contained in the Legend of Puteri Tujuh. Indirectly, the findings of the study are in line with the objective of the study, so the objective of the study has been achieved.

Key words:- Archetypal, Puteri Tujuh, seven fairy princesses, Malay Archipelago, Putri Tujuh, oral literature.

KANDUNGAN

Muka surat

PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	x
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	2
1.3 Permasalahan Kajian	4
1.4 Persoalan Kajian	5
1.5 Objektif Kajian	5
1.6 Batasan Kajian	6
1.7 Kerangka Teori	8
1.8 Kepentingan Kajian	8
1.9 Istilah Konseptual	9
BAB 2 TINJAUAN LITERATUR	11
2.1 Pengenalan	11
2.2 Arketaip	12

2.2.1	Sigmund Freud	12
2.2.2	Carl Gustav Jung	14
2.2.3	Northrop Frye	17
2.3	Pendekatan Kritikan Arketaipal	19
2.4	Legenda Puteri Tujuh	21
2.4.1	Sumber Ilmiah	22
2.4.2	Sumber Fiksi	27
2.4.2.1	Hikayat Malim Deman	28
2.4.2.2	Legenda Jaka Tarub	32
2.4.2.3	Legenda Lahilote	34
2.4.2.4	Telaga Bidadari	37
2.4.2.5	Putri Tujuh Kota Dumai	39
2.4.2.6	Puteri Tujuh Ulek Mayang	41
2.4.2.7	Telaga Tujuh Kunak	43
2.4.2.8	Putri Satarina dan Tujuh Bidadari	47
2.4.2.9	Legenda Putri Mambang Linau	53
2.4.2.10	Putri Tujuh	56
2.4.3	Kesimpulan Tinjauan Literatur	60

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN 62

3.1	Pengenalan	62
3.2	Reka Bentuk Kajian	63
3.3	Sampel Kajian	66
3.4	Prosedur Kajian	67
3.4.1	Kaedah Mengenalpasti Permasalahan Kajian	68
3.4.2	Kaedah Menentukan Objektif	68

3.4.3	Kaedah Membetuk Persoalan Kajian	68
3.4.4	Kaedah Mengumpul Sampel	69
3.4.5	Kaedah Membuat Tinjauan Literatur	70
3.4.6	Kaedah Perbandingan Data	70
3.4.7	Kaedah Menganalisis Data	71
3.4.8	Kaedah Penyimpulan Dapatan Kajian	71

BAB 4 DAPATAN KAJIAN 73

4.1	Pengenalan	73
4.2	Arketaip situasi	74
4.2.1	The Quest	74
4.2.2	The Task	76
4.2.3	The Initiation	78
4.2.4	The Journey	80
4.2.5	The Fall	82
4.2.6	Death & Rebirth	84
4.2.7	Good & Evil	85
4.2.8	The Rituals	87
4.3	Arketaip watak	89
4.3.1	Hero	89
4.3.2	Mentor	90
4.3.3	Young Man from Province	91
4.3.4	Friendly Beast	91
4.3.5	Devil Figure	93
4.3.6	Damsel in Distress	94

4.3.7	The Wise Old Man	95
4.3.8	The Persona	95
4.3.9	The Eath Mother	96
4.4	Arketaip simbol	97
4.4.1	Sumber air	99
4.4.2	Simbol angka tujuh	100
4.4.3	Simbol sayap atau selendang	100
4.4.4	Simbol padi	101
4.4.5	Simbol bumi dan kayangan	101
4.4.6	Simbol malam	102
4.5	Kesimpulan dapatan kajian	102

BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN 104

5.1	Rumusan	104
5.2	Kesimpulan	105
5.3	Cadangan	105
5.4	Penutup	106

BIBLIGRAFI 107

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Mula Surat
4.2.1	The Quest dalam Legenda Puteri Tujuh	74
4.2.2	The Task dalam Legenda Puteri Tujuh	76
4.2.3	The Initiation dalam Legenda Puteri Tujuh	78
4.2.4	The Journey dalam Legenda Puteri Tujuh	80
4.2.5	The Fall dalam Legenda Puteri Tujuh	82
4.2.6	Death & Rebirth dalam Legenda Puteri Tujuh	84
4.27	The Good & Evil dalam Legenda Puteri Tujuh	85
4.2.8	Ritual dalam Legenda Puteri Tujuh	88
4.3.4	Friendly Beast dalam Legenda Puteri tujuh	92
4.3.7	Watak Orang Tua Bijaksana dalam Legenda Puteri Tujuh	95
4.4	Simbol-Simbol dalam Legenda Puteri Tujuh	97



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Mula Surat
1.6	Batasan Kajian	7
2.2.2	Kategori Arketaip	16
2.4.1	Lagu Tarian Putri Tujuh	25
3.2	Reka Bentuk Kajian	66



BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pengenalan

Legenda Puteri Tujuh adalah satu cerita yang amat terkenal di Nusantara. Rakyat Malaysia sering mengaitkan Puteri Tujuh dengan persembahan ritual Ulek Mayang, namun watak-watak Puteri Tujuh ini banyak disebut-sebut dalam pelbagai cerita-cerita masyarakat terdahulu. Antara cerita-cerita yang mengandungi watak-watak Puteri Tujuh adalah Hikayat Malim Deman, Legenda Jaka Tarub, Lahilote, Telaga Bidadari dan Legenda Putri Mambang Linau. Terdapat juga beberapa versi Lagenda Puteri Tujuh yang dinyatakan



dalam mitologi dunia seperti Pleiades, The Seven Sister and The Faithful Lovers dan Tian Xian Pei. Terdapat beberapa kajian yang membuat perbandingan cerita tersebut, namun perbandingan tersebut adalah melalui pendekatan struktural.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian ini merupakan kajian yang menumpukan terhadap perbandingan arketaipal Legenda Puteri Tujuh. Antara sepuluh cerita yang dipilih oleh pengkaji adalah Hikayat Malim Deman, Legenda Jaka Tarub, Legenda Lahilote, Telaga Bidadari, Legenda Putri Tujuh Kota Dumai dan sebagainya. Cerita-cerita yang dipilih adalah contoh terdekat serta mengikut skop kajian yang ditetapkan oleh pengkaji. Sampel yang dipilih adalah berdasarkan sastera lisan naratif Melayu seperti hikayat, legenda dan mitos. Sastera lisan atau sastera rakyat adalah hasil-hasil sastera Melayu lama yang diwariskan melalui lisan dari generasi terdahulu kepada generasi yang lebih muda. Menurut Rohaya Mohd Ali et. al (2019) “Sastera rakyat merupakan lambang ketamadunan masyarakat Melayu yang diwarisi dari satu generasi kepada satu generasi. Sastera rakyat membentuk identiti dan arketaip bagi sesuatu bangsa, malah sebahagiannya telah menjadi asas kepercayaan kepada masyarakat yang melahirkannya”.

Definisi Melayu menurut Perlembagaan Malaysia perkara 160(2) adalah golongan yang merujuk kepada seseorang yang berketurunan Melayu, ataupun seseorang yang beragama Islam, mengamalkan adat istiadat Melayu, bertutur



bahasa Melayu, lahir di Persekutuan Tanah Melayu atau di Singapura sebelum kemerdekaan serta bermastautin di Persekutuan Tanah Melayu atau di Singapura. Pada tahun 1972, UNESCO telah mentakrifkan Malaysia, Thailand Indonesia, Filipina dan Madagaskar sebagai suku bangsa Melayu. Menurut Nik Safiah (2010), “bahasa Melayu tergolong ke dalam keluarga besar atau rumpun yang bernama Austronesia. Bahasa-bahasa rumpun Austronesia tersebar luas dari Formosa di sebelah utara hingga New Zealand di sebelah selatan dan dari Madagaskar di sebelah barat hingga ke Kepulauan Easter di sebelah timur”. Seandainya rumpun Melayu diklasifikasikan melalui pertuturan bahasa Austonesia, maka Melayu di Malaysia, Indonesia, Filipina, Selatan Thailand, Madagascar, New Zealand serta kepulauan di Lautan Pasifik tergolong dalam suku Melayu. Walaupun pengkaji melakukan kajiannya berdasarkan sastera lisan Melayu, namun kajian lebih berfokus pada sepuluh sampel Legenda Puteri Tujuh di Nusantara demi memudahkan pengkaji mencari bahan untuk dijadikan sampel dan sumber rujukan. Nusantara merujuk kepada nusa (pulau) dan antara.

“If we look at a globe or a map of the Eastern hemisphere, we shall perceive between Asia and Australia a number of large and small islands, forming a connected group distinct from those great masses of land, and having little connection with either of them” (Wallace & Whitten, 2008).

Di sini kita dapat memahami bahawa Nusantara merupakan kepulauan-kepulauan di antara dua benua iaitu Asia dan Australia. Maka kepulauan Nusantara merupakan kumpulan kepulauan Melayu yang terdiri daripada



Indonesia, Malaysia, Singapura, Thailand Selatan, Filipina, Brunei dan selainnya. Disamping itu, pengkaji turut mengambil sumber rujukan daripada bahan penulisan ilmiah yang berkaitan dengan Legenda Puteri Tujuh. Penulisan Ilmiah yang diambil sebagai rujukan adalah berbentuk tesis, jurnal, buku dan artikel. Terdapat beberapa pengkaji lain yang telah membuat sedikit kajian berkenaan Legenda Puteri Tujuh. Kajian terdahulu kebanyakannya merungkaikan analisis sastera, perbandingan unsur intrinsik, analisis penceritaan dan lain-lain. Akan tetapi, belum ada lagi pengkaji yang mengkaji perbandingan arketaipal antara sastera lisan Melayu.

1.3 Permasalahan Kajian

Ramai rakyat Malaysia yang tidak tahu akan versi-versi Puteri Tujuh, malah mereka sering menghubungkan Puteri Tujuh dengan tarian Ulik Mayang. Sememangnya benar bahawa Ulek Mayang adalah antara versi Legenda Puteri Tujuh, namun terdapat banyak lagi hikayat, mitos dan cerita dari seluruh dunia yang mempunyai kaitan dengan Legenda Puteri Tujuh. Selain itu, pengkaji mendapati bahawa kajian yang dilakukan untuk membuat persamaan dan perbandingan sastera lisan seperti legenda, hikayat dan mitos kurang dilakukan di Malaysia. Bukan sahaja itu, Perbandingan unsur intrinsik bagi sastera lisan naratif seperti Legenda Puteri Tujuh yang mempunyai pelbagai versi tidak banyak dilakukan. Disamping itu, sastera lisan seperti cerita-cerita hikayat, legenda dan mitos kini menjadi kurang popular di kalangan generasi baru. Jika

repertoire ini tidak dipelihara maka cerita-cerita ini akan pupus ditelan zaman. Tanpa kita sedari, identiti dan ketamadunan masyarakat Melayu kita akan turut pudar di mata dunia.

1.4 Persoalan Kajian

Dalam persoalan kajian penyelidik berminat untuk mendapatkan informasi bagi memberi pencerahan berkaitan kajian yang dilakukan:

- i. Apakah cerita-cerita atau warisan sastera lisan Melayu di Nusantara yang mempunyai hubungkait dengan Legenda Puteri Tujuh?
- ii. Sebesar manakah skop kajian yang ditetapkan oleh pengkaji ketika menjalankan perbandingan repertoire Legenda Puteri Tujuh?
- iii. Bagaimanakah perbandingan aketaipal Legenda Puteri Tujuh dilakukan?

1.5 Objektif

- i. Menyenaikan versi Legenda Puteri Tujuh yang wujud di Nusantara dan menerangkan kewujudan versi-versi legenda ini kepada masyarakat tempatan yang ingin mengetahui akan ilmu-ilmu mitologi.

- ii. Memberikan fokus kepada sepuluh repertoire yang mempunyai hubungkait dengan Hikayat Malim Deman, Legenda Jaka Tarub, Legenda Lahilote, Telaga Bidadari, Putri Tujuh Legenda Kota Dumai, Putri Tujuh Ulek Mayang, Telaga Tujuh Kunak, Putri Satarina & Bidadari, Legenda Putri Mambang Linau dan Putri Tujuh.
- iii. Menganalisis arketaip sastera yang terkandung dalam Legenda Putri Tujuh serta membuat persamaan dan perbezaan arketaipal antara versi legenda tersebut menggunakan perbandingan arketaipal sastera.

Kajian ini terbatas mengikut skop yang ditentukan iaitu rujukan-rujukan yang diambil hanya mempunyai hubungkait dengan Legenda Putri Tujuh dalam warisan lisan Melayu. Maka repertoire cerita yang mengandungi Legenda Putri Tujuh yang bukan berasal dari warisan Melayu tidak diambil kira seperti Pleiades, Tian Xian Pei dan The Seven Sisters and The Faithful Lovers.

Seterusnya, skop kajian kini lebih berfokus pada sepuluh sampel sastera lisan Melayu di Nusantara. Antaranya cerita-cerita yang dipilih oleh pengkaji adalah Hikayat Malim Deman, Legenda Jaka Tarub, Legenda Lahilote, Telaga Bidadari, Putri Tujuh Legenda Kota Dumai. Ulek Mayang, Telaga Tujuh Kunak, Putri Satarina, Legenda Putri Mambang Linau dan Putri Tujuh.



Selain itu, kajian ini turut terbatas dari aspek subjek yang ingin dikaji. Sebagai contoh, pengkaji hanya mengkaji perbandingan arketaipal yang bersandarkan kepada beberapa aspek seperti perbandingan arketaipal dalam sastera. Maka kajian ini tidak akan mendalami aspek struktural sastera seperti latar, plot cerita, tema, nilai murni, sudut pandangan, bahasa unsur intrinsik ataupun unsur ekstrinsik. Secara tuntasnya, kajian ini dilakukan oleh pengkaji hanya untuk meneliti persamaan dan perbezaan antara arketaipal sastera dalam Legenda Puteri Tujuh di Nusantara.



Rajah 1.6 (Batasan Kajian)



1.7 Kerangka Teori

Teori yang digunakan oleh pengkaji ialah Arketaipal Sastera. Arketaip adalah pengulangan naluri yang berlaku dalam agama, mitos, cerita rakyat yang merentasi masa dan budaya secara luar sedar. Pengulangan-pengulangan tersebut boleh dilihat dari aspek plot, struktur, jenis watak, tema, peristiwa dan sebagainya. Sebagai contoh kita boleh melihat pengulangan nombor tujuh seperti tujuh pintu syurga dalam agama Islam, tujuh hari dalam satu minggu dan Arketaip dalam sastra merupakan elemen-elemen yang penting dalam pembentukan sesebuah sastera. Elemen arketaip sastra dalam dijumpai dalam pelbagai kajian berkenaan analisis sastra. Elemen arketaip sastera boleh dibahagikan kepada beberapa arketaip iaitu arketaip watak, arketaip symbol dan arketaip situasi.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini dilakukan demi mempertingkatkan lagi pengetahuan dan memberi kesedaran kepada masyarakat tempatan mengenai versi-versi Legenda Puteri Tujuh di dunia. Kajian ini turut berfungsi untuk memberi sedikit gambaran berkenaan hikayat-hikayat Melayu seperti Legenda Puteri Tujuh. Selain itu, kajian ini adalah sedikit penambahan bagi kekurangan kajian yang dilakukan berkaitan analisis sastra lisan Nusantara, perbandingan sastra dan kajian arketaipal dalam sastra Melayu. Disamping itu, kajian ini mempunyai

kepentingan dalam merungkaikan perbandingan arketaipal repertoire-repertoire mitos daripada rumpun atau bangsa Melayu. Bukan sahaja itu, melalui persamaan dan perbezaan yang diperoleh daripada kajian ini, kita dapat melihat kebenaran teori asal-usul Melayu.

1.9 Istilah Konseptual

Kajian ini menggunakan beberapa istilah yang perlu diberikan definisi agar wujudnya kefahaman terhadap istilah khas yang digunakan oleh pengkaji atas tujuan pengkhususan dalam konteks kajian ini;

Repertoire

Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat, repertoire membawa maksud semua drama, muzik, nyanyian, tarian atau cerita yang sedia dipersembahkan oleh pelaku. Dalam kajian ini, repertoire boleh wujud dalam bentuk hikayat, legenda, mitos dan dongeng.



Kain Layang

Kain layang merujuk kepada selendang atau kain sakti kepunyaan Puteri Tujuh. Iaya dikatakan sebagai selendang ajaib yang memberikan Putri Tujuh kebolehan untuk terbang. Dalam beberapa versi ianya dipanggil sayap, selendang atau baju layang.

Sastera Lisan Naratif

Sastera lisan naratif merujuk kepada warisan lisan yang diturunkan serta mejadi identiti rumpun orang Melayu. Ianya boleh dibahagikan kepada beberapa cabang seperti mistos, hikayat, legenda dan kisah dongeng. Menurut Rohaya Mohd Ali et. al (2019) “Sastera rakyat membentuk identiti dan arketaip bagi sesuatu bangsa, malah sebahagiannya telah menjadi asas kepercayaan kepada masyarakat yang melahirkannya”.

